

PELUPUSAN AL-QURAN DI MALAYSIA: SUATU TINJAUAN AWAL PELUPUSAN SECARA PENANAMAN

DISPOSAL OF THE QURAN IN MALAYSIA: A PRELIMINARY REVIEW OF DISPOSAL BY BURIAL

Muhammad Asyraf bin Mohd Zamri

Fakulti Pengajian Quran Sunnah

Universiti Sains Islam Malaysia

Emel: asyrafzamri.usim@gmail.com

Mohd Zahir Abdul Rahman*

Fakulti Pengajian Quran Sunnah

Universiti Sains Islam Malaysia

*Corresponding author: Emel: zahir@usim.edu.my

Muhamad Hafizuddin bin Mohamed Najid

Fakulti Pengajian Quran Sunnah

Universiti Sains Islam Malaysia

Emel: hafizuddin.najid@usim.edu.my

Mohd Zohdi bin Mohd Amin

Fakulti Pengajian Quran Sunnah

Universiti Sains Islam Malaysia

Emel: zohdi@usim.edu.my

Norakyairee bin Mohd Raus

Fakulti Pengajian Quran Sunnah

Universiti Sains Islam Malaysia

Emel: norakyairee@usim.edu.my

Latiffah Karim

Fakulti Sains Teknologi

Universiti Sains Islam Malaysia

Emel: latiffah16@usim.edu.my

ABSTRAK

Menjaga kemuliaan al-Quran merupakan kewajipan bagi umat Islam. Pelupusan al-Quran secara patuh syariah adalah langkah yang diambil bagi menjaga kemuliaan kitab suci ini sejak zaman berzaman sehingga kini. Di Malaysia, pelupusan al-Quran dilakukan terhadap mushaf yang tersilap cetak, terkoyak, rosak, usang dan luput. Tambahan pula, belakangan ini isu mushaf rosak akibat bencana banjir menyebabkan teks tersebut basah, kembang dan berlumpur kembali meningkat. Secara umumnya di Malaysia, kaedah pembakaran diguna pakai untuk melupuskan kitab suci ini, namun mushaf yang rosak akibat banjir menyebabkan kasukaran untuk bahan itu dilupuskan secara pembakaran. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sejumlah kaedah pelupusan al-Quran berdasarkan pandangan sarjana Muslim yang bersesuaian untuk digunakan pasca bencana banjir. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan instrumen pengumpulan data kajian menerusi analisis dokumen. Hasil dapatan mendapati bahawa terdapat beberapa kaedah pelupusan al-Quran yang dibincangkan oleh para sarjana Muslim seperti kaedah pembakaran, penanaman dan nyahdakwat (deinking). Walaupun kaedah penanaman sudah di wartakan di peringkat pusat menerusi Muzakarah MKI kali ke 30 pada tahun 1992 tetapi masih belum pernah di praktikkan melalui agensi terbabit. Justeru, kajian berharap supaya kaedah penanaman dapat diketengahkan sebagai alternatif penyelesaian isu pelupusan al-Quran pasca banjir.

Kata Kunci: Pelupusan, Al-Quran, Penanaman, Banjir.

ABSTRACT

Preserving the sanctity of the Quran is an obligation for the Muslims. The disposal of the Quran in accordance with Shariah is a measure taken to preserve the sanctity of this holy book from ancient times until now. In Malaysia, disposal of the Quran is carried out for copies that are misprinted, torn, damaged, worn out, or expired. Furthermore, the issue of Quranic texts being damaged due to floods causing them to become wet, swollen, and muddy has increased recently. Generally, in Malaysia, the burning method is used to dispose this holy book, but damaged copies due to floods pose challenges for such disposal by burning. Therefore, this study aims to identify a number of methods for the disposal of the Quran based on the views of relevant Muslim scholars to be used post-flood disasters. This research adopts a qualitative approach with document analysis as the data collection instrument. The findings reveal that there are several Quran disposal methods discussed by Muslim scholars. The study also found that burning and deinking methods have been implemented in several states in Malaysia.

Meanwhile, although the method of burying was proclaimed at the national level through the 30th MKI Conference in 1992, it has not yet been practiced through the relevant agencies. Thus, the study hopes that the method of burial can be presented as an alternative solution to the issue of disposing of the Quran post-flood disasters.

Keywords: Disposal, Al-Quran, Burial, Flood

PENDAHULUAN

Al-Quran diakui sebagai mukjizat teragung diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad ﷺ dan umatnya. Kitab suci ini memiliki kedudukan yang sangat tinggi di mata umat Islam kerana berperanan sebagai sumber hukum utama bagi mereka.¹ Selain berfungsi sebagai pedoman serta tauladan yang wajib diikuti, kitab suci ini juga perlu dihormati, dijaga, dan dipelihara dengan baik oleh setiap Muslim. Secara umumnya, al-Quran mendapat jaminan pemeliharaan oleh Allah SWT dari segala bentuk penyelewengan dan penyimpangan bermula dari zaman penurunan wahyu hingga kehari kiamat.² Keyakinan ini diperkuat oleh firman Allah SWT:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya: “Sesungguhnya kamilah yang menurunkan az-Zikr (Al-Quran) dan kamilah yang akan memeliharanya.”

(*Surah al-Hijr, 15:9*)

Pemeliharaan al-Quran berdasarkan ayat ini merangkumi perspektif yang pelbagai seperti kaedah pengumpulan, penulisan, pencetakan, malah cara melupuskannya juga turut meliputi aspek pemeliharaan al-Quran yang perlu dititik berat.³ Sejarah menunjukkan seawal kurun pertama Hijrah, pada era pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan, pelupusan al-Quran secara pembakaran telah dilaksanakan. Kisah ini diriwayatkan dalam hadis al-Bukhari daripada Anas bin Malik:

وَأَرْسَلَ إِلَى كُلِّ أُمَّةٍ بِمُصْحَفٍ مِّمَّا نَسَحُوا، وَأَمَرَ بِمَا سِوَاهُ مِنَ الْقُرْآنِ فِي كُلِّ صَحِيفَةٍ أَوْ مُصْحَفٍ أَنْ يُحْرَقَ

¹ Noraida Mat Nasir, *Pengaplikasian Kaedah Pembakaran Sebagai Kaedah Terbaik dalam Menjaga Kemuliaan dan Kesucian Al-Quran* (The Fifth International Conference on Research in Islamic Education 2018) 869.

² Latifah Abdul Majid, *Kaedah Pelupusan Teks al-Quran dan Bahan Terbitan al-Quran* (E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi Vol 9 No 1, 2022) 97.

³ Abdul Zahid bin Abdul Jabar, *Sejarah dan Perkembangan Proses Pengurusan dan Pelupusan Teks al-Quran Pada Era Teknologi Kini* (E Prosiding Kertas Kerja: Konvensyen Kearifan Nusantara Ke-4 ARIF, 2023) 918.

Maksudnya: “Lalu Uthman menghantar al-Quran yang sudah disalin ke beberapa daerah negeri muslimin, dan beliau memerintahkan supaya helaian al-Quran atau mushaf selain daripada itu untuk dibakar”⁴

Namun, para sarjana Muslim secara umum tidak hanya memfokuskan perbincangan kaedah pelupusan al-Quran berdasarkan aspek pembakaran semata, bahkan mereka turut mempertimbangkan pelbagai aspek seperti penanaman, basuhan dan carikan. Kepelbagaian pandangan ini memberi alternatif terhadap pelaksanaan pelupusan al-Quran kepada masyarakat Islam mengikut keadaan, lokasi, kedudukan geografi, cuaca dan bencana alam yang berlaku pada kawasan yang terbabat.⁵

DEFINISI PELUPUSAN

Perkataan lupus berasal daripada kata luput atau hilang. Pelupusan bermaksud perihal perbuatan dan sebagainya untuk melupuskan yang bermaksud memusnahkan bahan-bahan sebagai contoh bahan al-Quran.⁶ Sedangkan pelupusan al-Quran secara spesifik berdasarkan Seksyen 11 (1) Akta Pencetakan Teks al-Quran 1986 bermaksud proses dan langkah yang perlu di ambil untuk memastikan bahawa apa-apa bahan al-Quran yang tercetak diatasnya dimusnahkan serta merta dengan cara membakarnya sehingga tiada meninggalkan kesan yang ditutup tempatnya daripada dimasuki orang awam.⁷ Manakala petua dan keputusan daripada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (Jawatankuasa Muzakarah MKI) kali ke 30 yang bersidang pada 22 Ogos 1992 menetapkan bahawa bahan al-quran yang rosak sehingga tidak boleh dimanfaatkannya lagi hendaklah dilupuskan melalui dua kaedah iaitu dibakar dan ditanam di lokasi yang terkawal.⁸

PEMBAHAGIAN PELUPUSAN AL-QURAN DALAM ISLAM

Tatacara pelupusan al-Quran adalah sebuah panduan tentang prosedur yang ditetapkan untuk melakukan kegiatan menghilangkan serta melupus bahan yang terkandung padanya ayat suci al-Quran. Pelaksanaan kegiatan ini terbahagi kepada beberapa kaedah yang telah dikemukakan oleh sarjana Muslim. Menurut penelitian Fatin Mahfuzah, tidak ada nas yang jelas dan spesifik menunjukkan bahawa kaedah pelupusan

⁴ Hadis dikeluarkan oleh al-Bukhariy dalam *al-Jami' al-Musnad as-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulillah wa Sunanihi wa Ayyamihi* (Mesir: Tabaah Sultaniah, Kitab Fadail Quran, Bab Jam'u al-Quran, No 4987) 183.

⁵ Noraida Mat Nasir, *Kaedah Pengurusan Pelupupusan Bahan al-Quran Di Seremban: Satu Analisa Dari Sudut al-Quran dan Hadith* (Disertasi Sarjana: Universiti Kebangsaan Malaysia 2020) 22-38.

⁶ Kamus Dewan Edisi ke-4, (Pusat Rujukan Persuratan Melayu V2.0)

<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=lupus>

⁷ Akta 326 Pencetakan Teks al-Quran 1986 (Undang-Undang Malaysia pindaan, 2008) 16-17.

⁸ Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatan Kuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bahagian Pengurusan Fatwa 2015) 199.

ini dilakukan pada zaman Rasulullah ﷺ.⁹ Hal ini bertepatan dengan fakta sejarah bahwa pengumpulan al-Quran buat kali pertama dilakukan ketika era khalifah Abu Bakar. Seterusnya proses penyalinan al-Quran diteruskan pada era khalifah Uthman dan tidak pernah dilakukan pada zaman kenabian. Oleh itu, tindakan pelupusan al-Quran ini lahir dari ijtihad para *sahabah* kemudian dikembangkan lagi oleh sarjana Muslim bertujuan untuk memastikan kesucian teks al-Quran terus terjaga.¹⁰ Justeru, pelbagai kaedah pelupusan mushaf al-Quran telah dibincangkan oleh para sarjana Muslim seperti:

PEMBAKARAN

Kaedah pembakaran merupakan kaedah termasyhur yang digunakan oleh pihak kebanyakan di negara umat Islam terutama di negara Malaysia. Kaedah pembakaran telah menjadi amalan berterusan dalam pelupusan mushaf al-Quran sejak dulu hingga kini. Amalan ini bermula dari ijtihad yang dilakukan oleh khalifah Uthman semasa ketegangan berlaku dalam kalangan umat Islam akibat perbezaan bacaan oleh penduduk wilayah yang berbeza. Setelah peristiwa tersebut Uthman memerintahkan penyalinan semula al-Quran dalam satu bahasa iaitu bahasa *Quraisy*. Kemudian beliau mengarahkan agar mushaf selain daripada itu agar dilupus dengan cara membakarnya.¹¹ Peristiwa ini telah menjadi panduan dan rujukan para sarjana Muslim untuk mengeluarkan fatwa. Bahkan tindakan membakar al-Quran tersebut turut dipersetujui oleh para *sahabah* ketika itu sebagai langkah menjaga kemuliaan al-Quran serta memelihara kesatuan antara umat Islam. Hal ini dikuatkan dengan sebuah *atsar* daripada Mus'ab bin Saad:

عَنْ مُصْعَبِ بْنِ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَاصٍ أَنَّهُ قَالَ: أَذْرَكْتُ النَّاسَ مُتَوَافِرِينَ حِينَ حَرَقَ عُثْمَانُ الْمَصَاحِفَ
فَأَعْجَبَهُمْ ذَلِكَ أَوْ قَالَ لَمْ يُنْكَرْ ذَلِكَ مِنْهُمْ أَحَدٌ

Maksudnya:

Mus'ab bin Saad bin Abi Waqas berkata, "Aku mendapati bahawa ramai orang hadir ketika Uthman membakar mushaf-mushaf dan mereka taajub dengan tindakan itu. Beliau berkata lagi: tidak seorang pun daripada mereka mengingkarinya".¹²

Dalam pada itu, Saidina Ali bin Abi Talib selaku khalifah keempat umat Islam turut menyokong dan menjustifikasi ijtihad Saidina Uthman bin Affan yang melupus al-Quran dengan cara membakar. Beliau menyebutkan:

⁹ Fatim Mahfuzah, *Pengurusan Pelupusan Teks-Teks al-Quran di Negeri Selangor dan Permasalahannya* (Disertasi Sarjana: Universiti Kebangsaan Malaysia 2015) 22.

¹⁰ Manna' bin Khalil al-Qattan, *Mabahith fi Ulum al-Quran* (Riyadh: Maktabah al-Maarif li an-Nasyr wa at-Tauzi' 2000) 126.

¹¹ Ibid

¹² Abu Bakar bin Abi Daud, *Kitab al-Masahif tahqiq Muhammad bin Abduh* (Khaherah: al-Farouq al-Hadithiah 2002) 68.

عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ قَالَ: لَوْ وَثِّتُ لَفَعَلْتُ فِي الْمَصَاحِفِ الَّذِي فَعَلَ عُثْمَانُ

Maksudnya:

Daripada Ali bin Abi Talib berkata: Sekiranya aku dilantik sebagai pemimpin nescaya aku akan melakukan tindakan yang sama kepada al-Quran sebagaimana dilakukan oleh Uthman.¹³

عَنْ عَلِيٍّ، رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ، قَالَ: لَا تَقُولُوا لِعُثْمَانَ فِي إِحْرَاقِ الْمَصَاحِفِ إِلَّا خَيْرًا.

Maksudnya:

Janganlah kalian berkata kepada Uthman terhadap keputusannya untuk membakar al-Quran kecuali mengatakan ia adalah baik.¹⁴

Lanjutan daripada itu, Imam Ibnu Batthal menyimpulkan daripada hadis al-Bukhari bahawa tindakan Khalifah Uthman membakar al-Quran menjadi dalil perbuatan tersebut adalah harus. Beliau menyatakan lagi bahawa keharusan tersebut bukan hanya tertakluk kepada al-Quran sahaja bahkan meliputi setiap buku yang tertulis padanya nama Allah wajar dibakar agar kemuliaannya terpelihara dan tidak terpijak oleh manusia.¹⁵ Sementara itu, sarjana Muslim yang lain seperti al-Zarkashi dan al-Suyuti turut menyokong pandangan melupus al-Quran mengguna kaedah pembakaran. Al-Zarkashi berhujah bahawa kaedah pembakaran lebih baik daripada membasuh atau merendam al-Quran dengan air kerana air yang digunakan untuk mencuci akan jatuh ke tanah.¹⁶ Manakala menurut al-Suyuti, jika sebahagian kertas mushaf mengalami kerosakan, disarankan untuk tidak meletakkannya di tempat yang tinggi kerana mempunyai risiko untuk jatuh dan dipijak. Justeru, beliau menyatakan bahawa kaedah pembakaran adalah lebih baik.¹⁷

Dalam konteks semasa, beberapa sarjana Muslim kontemporari turut berpandangan sama. Syeikh Atiyyah Saqar yang berperanan sebagai Ahli Majlis Fatwa al-Azhar menyatakan bahawa membakar al-Quran adalah dibenarkan jika bertujuan untuk melindunginya daripada penghinaan.¹⁸ Manakala Ibnu Uthaimin turut bersetuju harus untuk membakar al-Quran yang sudah tidak boleh di manfaatkan berdasarkan

¹³ Ali bin Khalaf bin Abdul Malik, *Syarh Sahih al-Bukhariy li Ibnu Batthal tahqiq Yasir bin Ibrahim* (Riyadh: Maktabah al-Rushd 2003) Juz 10, hlm 223.

¹⁴ Badruddin bin Ahmad al-Aini, *Umdah al-Qari fi Syarh Sahih al-Bukhari* (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi) juz 20, hlm 18.

¹⁵ Abdul Rahman al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-Ahwazi bi Syarhi Jami' at-Tirmidzi* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah) juz 8, hlm 412.

¹⁶ Badruddin bin Abdullah al-Zarkasyi, *al-Burhan fi Ulum al-Quran* (Beirut: Dar al-Ma'rifah 1957) juz 1, hlm 477.

¹⁷ Jalaluddin as-Suyuti, *al-Itqan fi Ulum al-Quran*, (Mesir: al-Hay'ah al-Misriyah al-'Amah lil-Kuttab 1974) juz 4, hlm 140.

¹⁸ Noraida Mat Nasir, *Kaedah Pengurusan Pelupupusan Bahan al-Quran Di Seremban: Satu Analisa Dari Sudut al-Quran dan Hadith* (Disertasi Sarjana: Universiti Kebangsaan Malaysia 2020) 41.

dalil perbuatan Saidina Uthman bin Affan.¹⁹ Disebutkan juga pada kitab *Majmu' Fatāwā* oleh Sheikh Salih Fauzan bahawa dibenarkan untuk membakar dan mengubur mushaf yang tidak lagi memberikan manfaat di tempat yang dianggap suci, berdasarkan ijihad para *sahabah*.²⁰ Dalam masa sama, sarjana tempatan Dr Zulkifli al-Bakri turut menyebut bahawa kaedah yang diterima dan dibincangkan oleh fuqaha bagi melupus al-Quran adalah pembakaran dan penanaman. Kedua-duanya merupakan langkah untuk memelihara kemuliaan al-Quran.²¹ Walaupun begitu, pelaksanaan di Malaysia lebih tertumpu kepada satu kaedah iaitu pembakaran.

Buktinya, pelbagai kajian lepas menatijahkan dapatan yang hampir sama terhadap kaedah pelupusan yang diaplikasi oleh autoriti di Malaysia. Noraida Mat Nasir (2020) menyatakan bahawa kaedah yang diguna pakai bagi melupus al-Quran di Negeri Sembilan adalah dengan cara membakar. Begitu juga Siti Aisyah (2019) menurut penelitiannya di Johor dan Fatin Mahfuzah (2015) di Selangor masing-masing menyatakan kaedah pembakaran merupakan pilihan untuk kedua-dua buah negeri tersebut sebagai cara melupus al-Quran. Hal ini senada dengan keputusan di peringkat pusat melalui Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (Jawatankuasa Muzakarah MKI) kali ke 30 yang bersidang pada 22 Ogos 1992 telah menetapkan pelupusan al-Quran hanya dilaksanakan dengan dua kaedah iaitu pembakaran atau penanaman.

BASUHAN DAN RENDAMAN

Sedia maklum amalan pelupusan al-Quran yang sering diaplikasi terutamanya di Malaysia adalah kaedah pembakaran. Namun begitu, kaedah basuhan dan rendaman juga turut menjadi cadangan di beberapa buah negeri seperti Selangor, Johor, Perlis dan lain-lain sebagai satu kaedah yang dibolehkan dalam proses pelupusan mushaf Al-Quran. Lebih-lebih lagi, hal tersebut di wartakan dalam fatwa rasmi melalui Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor (MJKFNS) kali ke-4/2015 yang bersidang pada 19 Oktober 2015 yang menyebut bahawa kaedah nyahdakwat (*deinking*) boleh digunakan dalam melupus Al-Quran dan bahan cetakan agama.²² Keputusan yang sama dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor pada tahun 2016 yang menyatakan bahawa kaedah pelupusan al-Quran di Johor adalah dilaksanakan melalui salah satu

¹⁹ Muhammad bin Soleh al-Uthaimin, *Fatawa nur ala al-Darb*, 1431H, juz 5, hlm 2.

²⁰ Zulfahmi Mohamad, Nasrul Azim, *Kaedah-Kaedah Pelupusan al-Quran: Suatu Analisis* (Al-Takamul Al-Ma'rifi, Vol 5, Issue 1, 2022) 81.

²¹ Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Maktabah al-Bakri: Al-Quran, Soal Jawab Agama, Kertas al-Quran Dikitar Semula 2023*, lihat: <https://maktabahalbakri.com/3712-kertas-al-quran-dikitar-semula/>.

²² Mohamad Tamyas bin Abd Wahid, *Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Fatwa Pelupusan al-Quran* (Jabatan Mufti Negeri Selangor 2015) 12.

dari tig acara iaitu basuhan dan rendaman, pembakaran dan kaedah nyahdakwat.²³ Manakala Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis 2021 turut mengharuskan kaedah nyahdakwat untuk dilaksanakan bahkan ia lebih bersifat mesra alam dan kurang pembaziran.²⁴

Proses nyahdakwat merupakan kaedah moden pada zaman ini yang mempunyai ciri dan tujuan pelupusan yang sama seperti kaedah basuhan dan rendaman pada zaman dahulu. Hal ini berkait dari sudut tujuan akhir proses pelupusan iaitu menghilangkan tulisan al-Quran dari kertas, papan mahupun apa sahaja bahan yang digunakan suatu ketika dahulu untuk menulis seperti kepingan batu, tulang unta, pelepah tamar, kulit binatang dan lain-lain.²⁵ Meninjau dari skop yang lebih luas, kaedah basuhan dan rendaman dilihat telah dilakukan seawal zaman kenabian lagi. Hal ini sesuai dengan teknologi tulisan pada ketika itu yang masih belum mempunyai mesin cetak dan hanya menggunakan tulisan tangan, dakwat, kertas dan lain-lain. Maka menanggalkan tulisan daripada tempat tulis hanya boleh dilakukan dengan cara membasuh dan merendam. Hal ini dapat dilihat daripada hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ : أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ : لَا تَكْتُبُوا عَنِّي ، وَمَنْ كَتَبَ عَنِّي غَيْرَ الْقُرْآنِ فَلْيَمْحُهُ .

Maksudnya:

Daripada Abi Said al-Khudri: Bahawa Nabi SAW bersabda: Janganlah kalian menulis daripadaku (menulis hadis), dan barangsiapa yang menulis daripadaku selain al-Quran maka hendaklah ia di padam.²⁶

Perintah Nabi ﷺ kepada para sahabat agar tidak mencatat hadis daripada baginda kecuali al-Quran semasa zaman penurunan wahyu itu bertujuan untuk mengelakkan kekeliruan dan percampuran antara teks al-Quran dan teks hadis. Namun, persoalan yang menarik adalah pada perintah "فليمححه" iaitu "padamlah", yang membawa kepada pertanyaan adakah ia perintah untuk dibakar, dicarik atau dibasuh sehingga hilang sifat tulisan dari papan tulis yang digunakan. Sehubungan itu, Ibnu Taimiyah menyatakan bahawa:

وَإِذَا كَتَبَ شَيْءٌ مِنَ الْقُرْآنِ أَوْ الذِّكْرِ فِي إِنَاءٍ أَوْ لَوْحٍ مَحْيٍ بِالْمَاءِ وَغَيْرِهِ وَشَرَبَ ذَلِكَ فَلَا بَأْسَ بِهِ نَصُّ عَلَيْهِ أَحْمَدُ وَغَيْرُهُ .

²³ Taqwa Zabidi, Nur Hidayah, *Pandangan Syarak Mengenai Pengurusan Pelupusan Teks atau Bahan al Qur'an: Realiti Aplikasi di Malaysia* (Jabatan Agama Islam Selangor) 8.

²⁴ Jabatan Mufti Negeri Perlis, *Perlupusan Al-Quran Dan Bahan Cetakan Agama Menggunakan Kaedah Berteknologi Hijau "Deinking"* (Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis kali ke 55, 2021)

²⁵ Taqwa Zabidi, Nur Hidayah, *Pandangan Syarak Mengenai Pengurusan Pelupusan Teks atau Bahan al Qur'an: Realiti Aplikasi di Malaysia* (Jabatan Agama Islam Selangor) 3.

²⁶ Muslim bin Hajjaj an-Naisaburi, *Sahih Muslim* (Turkiyyah: Dar al-Taba'ah al-A'mirah) Kitab Zuhud wa Al-Raqaiq, No 3004, juz 8, hlm 229.

Maksudnya:

Dan apabila dituliskan al-Quran atau Az-Zikr pada kepingan atau papan kemudian ia dipadam dengan menggunakan air dan sebagainya, dan diminum akan ia, maka tidak menjadi masalah bahkan terdapat nas disisi Imam Ahmad dan selainnya.²⁷

Hal ini menunjukkan bahawa kaedah memadam tulisan pada zaman itu adalah melalui basuhan dengan menggunakan air sehingga dapat menghilangkan sifat tulisan al-Quran. Dalam masa sama, disebutkan juga pada *kitab al-Burhan fi Ulum al-Quran* oleh al-Zarkasyi serta al-Suyuti dalam *al-Itqan fi Ulum al-Quran* bahawa kaedah basuhan dan rendaman digunakan dalam proses melupuskan al-Quran walaupun kaedah pembakaran lebih diutamakan. al-Zarkasyi dan al-Suyuti menyebut:

أَنَّ الْإِحْرَاقَ أَوْلَى مِنَ الْعَسَلِ، لِأَنَّ الْعُسَالَ قَدْ تَقَعَّ عَلَى الْأَرْضِ

Maksudnya:

Bahawa sesungguhnya pembakaran lebih baik daripada basuhan, kerana air bekas basuhan akan jatuh ke tanah.²⁸

Selain itu, sejarah turut merekodkan bahawa saidina Uthman bin Affan juga pernah mengarahkan umat Islam di wilayah yang lain untuk memadam dan menghapus al-Quran yang ada dalam simpanan mereka. Beliau tidak mengambil pendekatan membakar al-Quran yang dimiliki umat Islam, tetapi beliau hanya mengarahkan supaya al-Quran tersebut dipadam agar tidak tersebar dalam kalangan masyarakat sehingga menimbulkan kekeliruan. Namun sebahagian pandangan turut menyatakan bahawa ia bermaksud dipadam atau dibakar. Peristiwa ini dinyatakan oleh Ibnu Abi Daud dalam kitabnya *al-Masahif*:

فَلَمَّا فَرَّغَ مِنَ الْمُصْحَفِ، كَتَبَ إِلَى أَهْلِ الْأَمْصَارِ: أَيُّ قَدْ صَنَعْتُ كَذَا وَكَذَا وَمَحَوْتُ مَا عِنْدِي فَأَحْوُوا مَا عِنْدَكُمْ

Maksudnya:

Ketika Uthman menyudahi penyalinan mushaf, beliau menulis kepada penduduk wilayah-wilayah Islam. “Sesungguhnya aku telah melakukan begitu dan begini (menyalin semula al-Quran), dan aku telah menghapus apa yang ada padaku, maka hapuskanlah apa yang ada pada kalian”.²⁹

Dalam konteks semasa, kaedah basuhan dan rendaman ini lebih dikenali sebagai proses nyahdakwat (deinking). Menurut Latifah Abdul Majid, teknologi bio-deinking adalah teknologi hijau yang menggunakan bahan 'biologi' untuk memisahkan bahan terlarut atau dakwat dari kertas. Setelah tulisan atau dakwat telah dihapuskan, kertas

²⁷ Ahmad bin Taimiyah, *Majmu' al-Fatawa* (al-Madinah al-Munawwarah: Majma' Malik Fahd 2004) juz 12, hlm 599

²⁸ Badruddin bin Abdullah al-Zarkasyi, *al-Burhan fi Ulum al-Quran* (Beirut: Dar al-Ma'rifah 1957) juz 1, hlm 477.

²⁹ Abu Bakar bin Abi Daud, *Kitab al-Masahif tahqiq Muhammad bin Abduh* (Khaherah: al-Farouq al-Hadithiah 2002) 96.

tersebut dapat dikitar semula menjadi bahan cetakan baru. Teknologi bio-deinking dapat membantu mengurangkan jumlah bahan buangan yang dihasilkan ketika mencetak al-Quran dengan menggunakan bahan yang bebas dari sumber najis dan kimia. Ini juga dapat mengurangkan kos bahan bakar dan pengangkutan, serta meningkatkan keuntungan dari penjualan kertas yang telah dikitar semula.³⁰

MENCARIK

Mencarik bermaksud tindakan mencabik, merobek atau mengoyak sesuatu.³¹ Kaedah mencarik dalam pelupusan al-Quran dikatakan pernah dilakukan oleh gabenor Madinah iaitu Marwan bin al-Hakam pada era pemerintahan dinasti Umawiyah. Ibnu Hajar al-Asqalani menyebutkan dalam *Fath al-Bari* bahawa Marwan bin al-Hakam pernah meminta agar naskhah mushaf yang disimpan oleh Saidatina Hafsa dihapuskan, namun permintaannya ditolak Hafsa kerana mushaf tersebut merupakan warisan dari bapanya Umar bin al-Khattab. Mushaf tersebut merupakan naskhah lengkap pertama yang pernah dikumpulkan pada zaman pemerintahan Abu Bakar as-Siddiq kemudian diserahkan kepada Umar setelah kewafatannya. Di samping itu, Uthman bin Affan juga pernah meminjam mushaf Hafsa untuk dijadikan rujukan ketika proses penyalinan al-Quran yang dilakukan pada zamannya. Walau bagaimanapun, mushaf tersebut tidak dihapuskan oleh Uthman ketika itu, kerana beliau telah berjanji untuk menyerahkan kembali naskhah tersebut kepada Ummul Mu'minin Hafsa selepas tamat proses menyalin al-Quran³². Ibnu Hajar meriwayatkan kisah Marwan bin al-Hakam seperti berikut:

من طريق شعيب عن بن شهاب أخبرني سالم بن عبد الله بن عمر قال: كان مروان يُرسلُ إلى حفصة يعني حين كان أمير المدينة من جهة معاوية يسأها الصحف التي كتبت منها القرآن فتأبى أن تعطيه قال سالم فلما توفيت حفصة ورجعنا من دفيها أرسل مروان بالعزيمة إلى عبد الله بن عمر ليرسلن إليه تلك الصحف فأرسلن بها إليه عبد الله بن عمر فأمر بها مروان فشققت وقال إنما فعلت هذا لأبي خشيت إن طال بالناس زمان أن يرتاب في شأن هذه الصحف مرتاب ووقع في رواية أبي عبيدة فمزقت قال أبو عبيد لم يسمع أن مروان مزق الصحف إلا في هذه الرواية

Maksudnya:

³⁰ Latifah Abdul Majid, *Pembinaan Garis Panduan Pelupusan dan Perawatan Mushaf al-Quran Melalui Teknologi Hijau* (Universiti Kebangsaan Malaysia 2020) 56-58.

³¹ Kamus Dewan Edisi ke-4, (Pusat Rujukan Persuratan Melayu V2.0) Lihat: <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=carik>

³² Ahmad bin Ali bin Hajar al-Asqalani, *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari* (Beirut: Dar al-Ma'rifa 1379H) juz 9, hlm 20-21.

Daripada Salim bin Abdullah bin Umar berkata: “Marwan pernah mengutus surat kepada Hafsa ketika beliau menjawat sebagai gabenor Madinah dari pihak Muawiyah, meminta dia untuk menyerahkan mushaf Al-Quran yang telah siap ditulis, tetapi dia (Hafsa) enggan memberikannya” Salim berkata: “Apabila Hafsa meninggal dunia dan kami selesai menguruskan pengebumiannya, Marwan lalu mengirim pesanan tegas kepada Abdullah bin Umar agar dia menyerahkan mushaf tersebut kepadanya.” Abdullah bin Umar kemudian mengirimkan mushaf tersebut kepada beliau. Marwan kemudian memerintahkan untuk merobeknya dan dia berkata: "Aku melakukan perkara ini kerana takut setelah satu tempoh masa yang panjang berlalu dan orang-orang mula meragukan keaslian mushaf ini." Manakala pada riwayat Abu Ubaidah: “Marwan telah mencari mushaf tersebut”. Abu Ubaidah berkata: "Tidak pernah terdengar bahwa Marwan “mencari mushaf” kecuali pada riwayat ini”.³³

Berdasarkan atsar ini, Ibnu Hajar menerangkan terdapat tiga pandangan terhadap tindakan yang dilakukan Marwan kepada mushaf Hafsa berdasarkan riwayat-riwayat yang berbeza:

- 1.) Riwayat Ibnu Shihab dan Umarah bin Ghaziyyah bahawa Marwan mencari mushaf tersebut kemudian beliau membakarnya.
- 2.) Riwayat Zaid bin Tsabit menyatakan bahawa beliau kemudian membasuh mushaf tersebut sehingga hilang tulisannya.
- 3.) Riwayat Malik bin Anas daripada Ibnu Shihab daripada Salim bin Umar bahawa Marwan mencari kemudian membasuh dan akhir sekali beliau membakar mushaf Hafsa tersebut.

Berdasarkan riwayat tersebut Ibnu Hajar tidak menyatakan riwayat mana yang lebih kuat antara yang lain. Namun dari sudut periwatan sanad, riwayat Malik daripada Ibnu Shihab daripada Salim bin Umar lebih kuat kerana riwayat tabaqat pertama disisi Imam al-Bukhari adalah riwayat daripada az-Zuhri yang diambil oleh murid kanannya sedangkan Malik bin Anas merupakan murid kanan kepada Ibnu Shihab az-Zuhri³⁴. Walaupun begitu, dapat dilihat bahawa tindakan mencari sebagai cara untuk melupuskan al-Quran pernah dilakukan sejak kurun pertama Hijrah.

Sementara itu, terdapat juga penolakan daripada sarjana Muslim terhadap amalan mencari walaupun amalan ini pernah dilakukan oleh golongan *sahabah*. Imam al-Suyuti dalam *al-Itqan fi Ulum al-Quran* antara sarjana yang tidak membenarkan umat Islam untuk mencari al-Quran sebagai cara melupuskannya kerana tindakan tersebut lebih menggambarkan penghinaan berbanding penghormatan. Beliau menukil pandangan al-Halimi seperti berikut:

³³ Ibid

³⁴ Rif'at Fauzi Abdul Muthalib, *al-Madkhal ila Manahij al-Muhadithin al-Usus wa al-Tatbiq* (Kaherah: Dar al-Salam 2008) 189.

وَلَا يَجُوزُ تَمْزِيقُهَا لِمَا فِيهِ مِنْ تَقْطِيعِ الْحُرُوفِ وَتَفْرِيقِ الْكَلِمِ، وَفِي ذَلِكَ إِزْرَاءٌ بِالْمَكْتُوبِ كَذَا قَالَ الْحَلِيمِيُّ

Maksudnya:

Tidak dibenarkan mencariknya (mushaf al-Quran) kerana perbuatan itu menyebabkan terpotongnya huruf-huruf dan terpisahnya perkataan. Dalam hal ini, terdapat penghinaan terhadap apa yang ditulis, sedemikian yang dinyatakan al-Halimiy.³⁵

Namun, kaedah mencarik pada zaman kini telah melalui inovasi yang tinggi dan garis panduan yang teratur sehingga bahan al-Quran yang dicarik tidak lagi mempunyai sifat tulisan kerana sudah menjadi perca-perca yang sangat kecil setelah dicarik menggunakan mesin pengisar (shredder) sehingga memudahkan bahan tersebut untuk dibakar.³⁶ Dalam sebahagian pandangan mazhab syafie, larangan untuk melaksanakan kaedah carikkan adalah disebabkan perbuatan mencarik tersebut dilakukan dengan tangan manusia yang memungkinkannya kertas al-Quran masih mempunyai sifat huruf manuhupun perkataan namun terpisah-pisah.³⁷ Walau bagaimanapun, kaedah-kaedah yang dilakukan ini perlulah didasari dengan niat untuk memuliakan al-Quran. Adapun larangan yang dinyatakan oleh Imam as-Suyuti terpakai kepada mereka yang mencarik al-Quran melalui proses yang tidak cermat sehingga memperlihatkan kemuliaan kitab suci itu tercemar.

PENANAMAN

Penanaman boleh dimaksudkan dengan mengebumikan atau menguburkan iaitu menaruh sesuatu kedalam lubang dan dikambusi dengan tanah atau menimbuni sesuatu yang di dalam lubang dengan tanah.³⁸ Adapun kaedah penanaman yang dimaksudkan adalah proses penguburan al-Quran merujuk kepada tindakan mengubur salinan Al-Quran yang telah rosak atau tidak layak digunakan lagi dengan penuh hormat mengikut tatacara yang dikehendaki dalam tradisi Islam. Ia meliputi prosedur yang pelbagai seperti persiapan bahan al-Quran rosak, lokasi penanaman, pemilihan jenis tanah, bahan kimia pereputan dan yang terakhir penghormatan terhadap bahan perlupusan.

ISU-ISU KEPERLUAN TERHADAP PENANAMAN AL-QURAN

Dalam konteks pelaksanaan di Malaysia, kaedah penanaman sebagai langkah melupus al-Quran amat jarang dipraktikkan walaupun kaedah ini diterima pakai dan di

³⁵ Jalaluddin as-Suyuti, *al-Itqan fi Ulum al-Quran*, (Mesir: al-Hay'ah al-Misriyah al-'Amah lil-Kuttab 1974) juz 4, hlm 140.

³⁶ Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Irsyad Fatwa ke- 17: Kaedah Pelupusan al-Quran Yang Rosak Akibat Banjir*, (Laman Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan 2015) Lihat: <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/irsyad-fatwa-umum/2056-17>

³⁷ Zulfahmi Mohamad, Nasrul Azim, *Kaedah-Kaedah Pelupusan al-Quran: Suatu Analisis* (Al-Takamul Al-Ma'rifi, Vol 5, Issue 1, 2022) 82.

³⁸ Kamus Dewan Edisi ke-4, (Pusat Rujukan Persuratan Melayu V2.0) Lihat: <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=tanam&d=175768&>

wartakan dalam keputusan Muzakarah MKI kali ke 30 pada tahun 1992.³⁹ Selain itu, kajian serta penelitian terhadap tata cara pelaksanaan kaedah penanaman juga tidak begitu banyak dijalankan di Malaysia dan masih belum bersifat matang mengambil kira hampir kebanyakan pengkaji lebih menfokuskan tatacara kaedah pelupusan al-Quran sedia ada seperti pembakaran dan rendaman. Apatah lagi pandangan berkenaan kaedah penanaman merupakan ijthad disisi mazhab Hanafi dan Hanbali berbanding kaedah pembakaran yang merupakan pandangan mazhab setempat iaitu mazhab Syafie. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan yang besar bagi pihak berwajib untuk menilai dari pelbagai sudut untuk mempertimbangkan penggunaan dan pelaksanaan kaedah ini di Malaysia.

Menurut Mohd Zahir keadaan cuaca tidak menentu dua ke tiga tahun belakangan mengakibatkan pelbagai bencana alam seperti banjir, banjir kilat, fenomena kepala air telah terjadi dan mengalami peningkatan mahupun penurunan kes yang tidak dapat dijangka. Menurut beliau lagi, sekitar tahun 2022 sahaja lebih 50,000 keluarga dan hampir 200,000 mangsa terkesan dengan bencana banjir di Malaysia. Mengambil purata setiap keluarga mempunyai sekurang-kurangnya senaskah al-Quran dalam simpanan mereka atau lebih daripada itu ditambah kerosakan tempat awam seperti masjid, sekolah-sekolah agama dan pusat tahfiz yang mengandungi lebih banyak koleksi mushaf al-Quran, sudah tentu bilangan mushaf yang rosak akibat terendam dan berlumpur dilanda banjir mencecah puluhan ribu unit bahkan mungkin lebih sehingga mencecah angka ratusan ribu unit.⁴⁰

Pengarah Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI) Datuk Mohd Ajib Ismail turut menyatakan bahawa pada Januari 2022 sahaja sebilangan 25.2 tan bahan al-Quran rosak diterima oleh pusat pelupusan al-Quran Dar Kalam yang beroperasi di ibu kota. Hal ini susulan banjir besar yang berlaku di beberapa kawasan yang tidak pernah dianiki air di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sedangkan data tersebut belum mengambil kira jumlah kerosakan bahan al-Quran dari negeri lain sama ada di utara, pantai timur mahupun selatan semenanjung Malaysia. Di samping itu, kekangan yang diterima oleh pusat pelupusan terbabit adalah untuk menguruskan al-Quran yang rosak akibat terendam air banjir dan berlumpur. Bahan tersebut perlu dibersihkan terlebih dahulu jika berlumpur kemudian dikeringkan yang memakan masa lama sebelum dibawa ke proses pembakaran.⁴¹ Ainul Kauthar juga

³⁹ Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatan Kuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bahagian Pengurusan Fatwa 2015) 199.

⁴⁰ Mohd Zahir, *Tindakan Pelupusan al-Quran Secara Tanam Dalam Musim Banjir: Keperluan atau Kesalahan* (Tinta Minda, Bernama, 2024) Lihat: <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2263425>

⁴¹ Laporan Awani Disember 2022, Lihat: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jawi-tambah-pusat-pelupusan-alquran-tingkat-produktiviti-harian-394439>

pernah mempersoalkan dalam kajiannya bahawa apakah tidak ada langkah yang boleh diambil selain pembakaran untuk menyelesaikan lambakan teks al-Quran rosak.⁴²

Justeru, melihat kepada permasalahan dan kekangan yang dihadapi oleh pihak berwajib bagi menangani isu pelupusan al-Quran pasca banjir ini, sudah tiba masanya agar satu tatacara dan garis panduan penanaman al-Quran dibangunkan untuk mengisi kelompongan dan menyempurnakan proses pelupusan al-Quran di Malaysia selain dari pembakaran. Natiujahnya, pengurusan yang lebih efisien dapat diketengahkan dengan pengaplikasian kaedah yang pelbagai sekaligus pandangan sarjana pelbagai mazhab dapat diharmonikan dengan lebih holistik dan bersepadu dalam menjaga kemuliaan kitab suci al-Quran.

PERBAHASAN PELUPUSAN SECARA PENANAMAN MENURUT SARJANA MUSLIM

Sebagaimana kaedah-kaedah pelupusan lain seperti pembakaran, rendaman dan carikkan didasari dengan tindakan para sahabat, kaedah penanaman turut mempunyai contoh tindakan daripada sahabat iaitu khalifah Uthman bin Affan. Ibnu Abi Daud meriwayatkan dalam *al-Masahif* seperti berikut:

دَفَنَ عُثْمَانُ الْمَصَاحِفَ بَيْنَ الْقَبْرِ وَالْمِنْبَرِ

Maksudnya:

Uthman bin Affan telah menanam mushafnya diantara kubur dan minbar.⁴³

Berdasarkan hadis ini, sarjana mazhab Hanafi dan Hanbali berijtihad bahawa kaedah penanaman bagi melupus al-Quran merupakan kaedah yang terbaik dan terhormat. Dalam *Kasyaf al-Qina' an Matn al-Iqna'* imam al-Buhuti al-Hanbali menyebut seandainya keadaan mushaf basah dan lusuh, justeru hendaklah ditanam teksnya itu. Imam Ahmad juga menyatakan ketika mana mushaf Abu al-Jawza' dalam kondisi basah beliau kemudian menggali lubang di kawasan masjidnya lalu menanam mushaf tersebut⁴⁴. Ibnu Taimiyah yang bermazhab Hanbali juga berpendirian sama apabila ditanya kepada beliau berkenaan isu pelupusan al-Quran lalu mengatakan:

أما المصحف العتيق والذي تحرق وصار بحيث لا ينتفع به بالقراءة فيه فإنه يدفن في مكان يسان فيه كما أن كرامة بدن المؤمن دفنه في موضع يسان فيه.

Maksudnya:

⁴² Ainul Kauthar binti Karim, *Amalan Pengurusan Pelupusan al-Quran di Malaysia* (Universiti Teknologi Malaysia 2017) 33.

⁴³ Abu Bakar bin Abi Daud, *Kitab al-Masahif tahqiq Muhammad bin Abduh* (Khaherah: al-Farouq al-Hadithiah 2002) 132.

⁴⁴ Mansur bin Yunus al-Buhuti, *Kasyaf al-Qina' an Matn al-Iqna'* (Riyadh: Maktabah al-Nasr al-Hadithiah 1968) juz 1, hlm 138.

Adapun mushaf yang usang dan terkoyak sehingga tidak lagi boleh dimanfaatkan untuk dibaca maka hendaklah ditanam di lokasi yang terhormat sebagaimana kemuliaan jasad seorang mukmin yang dikuburkan di tempat yang terhormat.⁴⁵

Di samping itu, Al-Hashkafi al-Hanafi menyatakan apabila sebuah mushaf al-Quran dalam kondisi sudah tidak boleh dibaca maka hendaklah ia ditanam sebagaimana seorang muslim dikuburkan.⁴⁶ Bahkan huraian lanjut oleh Ibnu A'bidin bahawa mushaf tersebut hendaklah diletakkan dalam perca kain yang bersih kemudian barulah ditanam di tempat yang tidak terhina dan tidak dipijak orang. Dalam *Fatawa Ridhawiyah* oleh Syeikh Ahmad Redha Khan tidak menyarankan membakar al-Quran tetapi mengharuskan penanamannya seperti yang disebut dalam *Dur al-Mukhtar*. Begitu juga disebutkan dalam *al-Fatawa al-Hindiyah* yang melarang untuk membakar al-Quran dan menyarankan al-Quran yang sudah rosak dan tidak boleh dibaca untuk ditanam.⁴⁷ Al-Zarkasyi menukilkan dalam *al-Burhan fi Ulum al-Quran* pandangan al-Qadi al-Husain yang menyebut tindakan membakar adalah bertentangan dengan sifat menghormati itu sendiri dan beliau memilih kaedah penanaman bagi melupus al-Quran.⁴⁸ Dalam pada itu, an-Nawawi yang bermazhab Syafie turut memakruhkan tindakan membakar kitab suci itu.⁴⁹

Oleh itu, secara umum dapat dilihat bahawa khilaf yang terjadi dalam kalangan sarjana Muslim bagi menetapkan tatacara melupuskan al-Quran tidak lain hanyalah untuk mencapai satu tujuan murni iaitu memastikan kemuliaan al-Quran tidak tercemar. Hal ini akhirnya memberi alternatif kepada ummah apabila lahirnya pelbagai kaedah seperti membakar, merendam, mencarik dan menanam yang kesemuanya boleh di aplikasikan dan dinilai keperluannya berdasarkan inovasi dari masa ke masa. Sebagai penutup, menurut Fatin Mahfuzah para sarjana Muslim bersepakat bahawa haram hukumnya melupus al-Quran sama ada membakar, merendam, menanam atau mencarik dengan tujuan penghinaan terhadap kitab suci itu.⁵⁰

⁴⁵ Ahmad bin Taimiyah, *Majmu' al-Fatawa* (al-Madinah al-Munawwarah: Majma' Malik Fahd 2004) juz 12, hlm 599

⁴⁶ Muhammad bin Ali al-Hashkafi, *al-Dur al-Mukhtar Syarah Tanwir al-Absor wa Jami' al-Bahr* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah 2002) 30.

⁴⁷ Muhammad Kalim, Faqeer Zahid, *Correct Method of Disposing Islamic Literature (The Sunni Way 2015)* Lihat: <https://www.thesunniway.com/articles/item/285-correct-method-of-disposing-islamic-literature>

⁴⁸ Badruddin bin Abdullah al-Zarkasyi, *al-Burhan fi Ulum al-Quran* (Beirut: Dar al-Ma'rifah 1957) juz 1, hlm 477.

⁴⁹ Ibid

⁵⁰ Fatin Mahfuzah, *Pengurusan Pelupusan Teks-Teks al-Quran di Negeri Selangor dan Permasalahannya* (Disertasi Sarjana: Universiti Kebangsaan Malaysia 2015) 43.

KESIMPULAN

Usaha gigih masyarakat Muslim sejak kurun pertama Hijrah dalam kalangan *sahabah* kemudian disambung oleh para *tabiin* berterusan hingga ke abad ini untuk menjaga kesucian dan kemuliaan kitab suci al-Quran adalah jelas. Para sarjana yang berbeza pandangan memainkan peranan penting dalam perkembangan kaedah penjagaan, perawatan dan pelupusan al-Quran. Setiap garis panduan sama ada larangan mahupun cadangan yang diletakkan oleh mereka tidak lain adalah untuk menjaga kemuliaan syiar besar umat Islam iaitu al-Quran. Dalam konteks negara Malaysia, usaha yang jitu dan maksimum telah dilakukan bagi menjaga kemuliaan al-Quran menerusi badan kerajaan seperti JAKIM yang menjadi rujukan bagi sejumlah agensi berlesen di seluruh negara mengenai tatacara melupuskan mushaf al-Quran. Oleh itu, kaedah-kaedah lain yang dilihat dapat menawarkan solusi dan melengkapi kaedah sedia ada yang telah diamalkan seperti kaedah penanaman wajar untuk dikaji dan di praktikkan sebagai alternatif kepada pihak berwajib seperti JAKIM.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian dari hasil penyelidikan di bawah geran FRGS, Kementerian Pendidikan Tinggi. Kod Penyelidikan: FRGS/1/2023/SSI13/USIM/02/3.

RUJUKAN

- [1] Abu Bakar bin Abi Daud, *Kitab al-Masahif*, tahqiq Muhammad bin Abduh. Khaherah: al- Farouq al-Hadithiah 2002. Hlm 68, 96, 132.
- [2] Al-Aini, Badruddin bin Ahmad, *Umdah al-Qari fi Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi, Juz 20, Hlm 18.
- [3] Al-Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajar, *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1379H. juz 9, hlm 20-21.
- [4] Al-Bakri, Zulkifli Mohamad, *Irsyad Fatwa ke- 17: Kaedah Pelupusan al-Quran Yang Rosak Akibat Banjir*, Laman Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2015.
- [5] Al-Bakri, Zulkifli Mohamad, *Maktabah al-Bakri: Al-Quran, Soal Jawab Agama, Kertas al-Quran Dikitar Semula 2023*, lihat: <https://maktabahalbakri.com/3712-kertas-al-quran-dikitar-semula/>.
- [6] Al-Buhuti, Mansur bin Yunus, *Kasyaf al-Qina' an Matn al-Iqna'*. Riyadh: Maktabah al-Nasr al-Hadithiah, 1968. Juz 1, Hlm 138.
- [7] Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, *al-Jami' al-Musnad as-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulillah wa Sunanihi wa Ayyamihi*. Mesir: Tabaah Sultaniah, Kitab Fadail Quran, Bab Jam'u al-Quran, No 4987. Hlm 183.
- [8] Al-Mubarakfuri, Abdul Rahman, *Tuhfah al-Ahwazi bi Syarhi Jami' at-Tirmidzi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, juz 8, hlm 412.

- [9] Al-Naisaburi, Muslim bin Hajjaj, *Sahih Muslim*. Turkiyyah: Dar al-Taba'ah al-A'mirah, Kitab Zuhud wa Al-Raqaiq, No 3004, juz 8, hlm 229.
- [10] Al-Qattan, Manna' bin Khalil, *Mabahith fi Ulum al-Quran*. Riyadh: Maktabah al-Maarif li an-Nasyr wa at-Tauzi', 2000. Hlm 126.
- [11] Al-Suyuti, Abdul Rahman bin Kamal, Jalaluddin, *al-Itqan fi Ulum al-Quran*. Mesir: al-Hay'ah al-Misriyah al-'Amah lil-Kuttab, 1974. Juz 4, Hlm 140.
- [12] Al-Uthaimin, Muhammad bin Soleh, *Fatawa nur ala al-Darb*, 1431H, Juz 5, Hlm 2.
- [13] Al-Zarkasyi, Badruddin bin Abdullah, *al-Burhan fi Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1957. Juz 1, Hlm 477.
- [14] Ibnu Batthal, Ali bin Khalaf bin Abdul Malik, *Syarh Sahih al-Bukhariy li Ibnu Batthal tahqiq Yasir bin Ibrahim*. Riyadh: Maktabah al-Rushd, 2003. Juz 10, Hlm 223.
- [15] Jabar, Abdul Zahid Bin Abdul, et al., *Sejarah dan Perkembangan Proses Pengurusan Pelupusan Teks Al-Qur'an pada Era Teknologi*, . 2023. Hlm 198.
- [16] Jabatan Mufti Negeri Perlis, *Perlupusan Al-Quran Dan Bahan Cetakan Agama Menggunakan Kaedah Berteknologi Hijau "Deinking"*, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis kali ke 55, 2021.
- [17] Kalim, Muhammad dan Faeqer Zahid, *Correct Method of Disposing Islamic Literature, The Sunni Way*, 2015. Lihat: <https://www.thesunniway.com/articles/item/285-correct-method-of-disposing-islamic-literature>
- [18] Kamus Dewan Edisi ke-4, (Pusat Rujukan Persuratan Melayu V2.0).
- [19] Karim, Ainul Kauthar Binti, "*Amalan Pengurusan Pelupusan Bahan Al-Quran Di Malaysia*." Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia, 2017. Hlm 33.
- [20] Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatan Kuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bahagian Pengurusan Fatwa, 2015. Hlm 199.
- [21] Majid, Latifah Abdul, et al. *Kaedah Pelupusan Teks Al-Quran dan Bahan Terbitan Al-Quran*. e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi, 2022, Hlm 97.
- [22] Majid, Latifah Abdul, *Pembinaan Garis Panduan Pelupusan dan Perawatan Mushaf al-Quran Melalui Teknologi Hijau*, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2020. Hlm 56-58.
- [23] Malaysia, Undang-Undang. "*Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986*. Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia di Bawah Kuasa Akta Penyemakan Undang-Undang 1968", 2008. Hlm 16-17.
- [24] Mohamad Tamyas bin Abd Wahid, *Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Fatwa Pelupusan al-Quran*, Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2015. Hlm 12.

- [25] Muthalib, Rif'at Fauzi Abdul, *al-Madkhal ila Manahij al-Muhadithin al-Usus wa al-Tatbiq*. Kaherah: Dar al-Salam, 2008. Hlm 189.
- [26] Nasir, Noraida Mat. *Kaedah pengurusan pelupusan bahan Al-Quran di Seremban: satu analisa dari sudut Al-Quran dan hadith*. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2020. Hlm 22-38, 41.
- [27] Nasir, Noraida Mat; ISHAK, Hamdi; AHMAD, Nazri. *Pengaplikasian Kaedah Pembakaran Sebagai Kaedah Terbaik dalam Menjaga Kemuliaan dan Kesucian Al-Quran*. In: 5th International Conference on Research in Islamic Education and Arabic Language 2018 (ICRIALE 2018). 2018. Hlm 869.
- [28] Rahman, Mohd Zahir Abdul, *Tindakan Pelupusan al-Quran Secara Tanam Dalam Musim Banjir: Keperluan atau Keslahan* (Tinta Minda, Bernama, 2024) Lihat: <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2263425>
- [29] Roslan, Muhammad Nasrul Azim dan Zulfahmi Mohamad. "Kaedah-Kaedah Pelupusan Mushaf Al-Qur'an: Satu Analisis." *Al-Takamul al-Ma'rifi* 5.1 (2022): Hlm 81, 82.
- [30] Taqiuddin, Ahmad bin Taimiyah, *Majmu' al-Fatawa* (al-Madinah al-Munawwarah: Majma' Malik Fahd, 2004. Juz 12, Hlm 599.
- [31] Yusof, Fatin Mahfuzah Mohd. "Pengurusan Pelupusan Teks-Teks al-Qur'an di Negeri Selangor dan Permasalahannya." Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia (2015). Hlm 22, 43.
- [32] Zabidi, Taqwa, and Siti Nur Hidayah Kusnin. "Pandangan syarak mengenai pengurusan pelupusan teks atau bahan al Qur'an: Realiti aplikasi di Malaysia." Jabatan Agama Islam Selangor 2019. Hlm 3, 8.